



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

THE WEALTH OF THE HEREAFTER
KEKAYAAN DI AKHIRAT

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Awwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

كَفَى بِالْمَوْتِ وَاعِظًا يَا عَمْرُ

“Kafaa bilmawti wa’ithan Ya Omar!” bersabda Rasulullah ﷺ kepada Hadrat Umar (RA). “Kematian adalah suatu pengajaran yang cukup untuk anda Ya Omar!” Semalam Mustafa Koç telah kembali ke rahmatullah. Kematian berlaku setiap hari tetapi ada orang menduga ia tidak akan berlaku.

Semua orang ada jangka hayat nya. Bila masa tiba, wang , harta milik nya dan anak pinak nya tidak akan manfaat kepada nya. Allah ﷻ akan ambil balik amanah nya. Malaikaat Azrail akan cabut nyawa anda. Dia tidak peduli orang itu kaya atau miskin.

Orang orang kaya harus memperkayakan akhirat mereka dan mereka perlu untuk berfikir untuk akhirat. Allah ﷻ memberi banyak peluang untuk anda membina akhirat anda sebagaimana anda membina kekayaan anda di dunia ini.

Allah ﷻ memberi nikmat ini. Jika anda tidak menggunakan nya, kenikmatan itu akan bertukar menjadi bahan pertanyaan kepada anda di akhirat. Tetapi jika anda mematuhi arahan Allah ﷻ, membayar zakat, memberi sadaqah maka ternyata anda berselesa di akhirat. Sebaliknya jika anda tidak memberi anda akan menginginkan kemiskinan semasa anda di dunia. Di akhirat adalah antara seorang hamba dengan Allah ﷻ.

Kami tidak mahu tujukan masalah ini kepada sesiapa. Kerana ada setengah orang mereka buat baik tanpa pengetahuan orang. Tiada siapa akan sangka orang ini berbuat baik. Inilah antara hamba dengan Allah ﷻ dan ini adalah suatu amalan yang baik.

Orang yang melakukan amalan demikian akan berjaya menempah tempat nya di akhirat. Harta Benda mereka adalah nikmat dari Allah ﷻ atas mereka dan ia menuai kekayaan di akhirat. Tetapi jika mereka tidak mengingati Allah ﷻ, berfoya foya dan hanya



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

mengingati dunia ini maka mereka akan bersia sia sahaja bila mengeluarkan ungapan
“Saya ingin...” bila di timpa ajal.

Moga Allah ﷻ menjadikan kita orang orang mengenal dan bersyukur atas nikmat pemberian Allah ﷻ . Moga Allah ﷻ memberi dengan kadar yang banyak dan moga kita nilai akan nikmat itu, InsyaAllah. Demi kata Rasulullah ﷺ “Mukmin yang kuat lebih baik dari mukmin yang lemah.”

Kekuatan adalah suatu nikmat pemberian Allah ﷻ. Moga Allah ﷻ memberi kita kekuatan ini tanpa menyesatkan kita, InsyaAllah. Sepertimana yang kami katakan ini adalah antara Hamba nya dengan Allah ﷻ. Ini adalah suatu pengajaran untuk semua orang. Ia boleh membawa kekayaan di dunia dan kekayaan di akhirat atau ia membawa kita kepada kemiskinan di akhirat. Moga Allah InsyaAllah jadikan kita dari golongan yang kaya di akhirat

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
22 January 2016 / 12 Rabiul Akhir 1437
Sabah Namaz, Akbaba Dargah

1. Nimat

2. Obligatory alms
3. Sadaqa
4. Mumin